

12/08/2000

Peletakan jawatan Abu Hassan pilihan akhbar Tamil, Cina

Magendran Rajagopal; Teh Kean Kiat

PELETAKAN jawatan Menteri Besar Selangor, Abu Hassan Omar, menjadi berita muka depan Malaysia Nanban (Nanban) dan Tamil Nesan (Nesan), semalam, dengan kedua-dua akhbar itu menamakan Tan Sri Muhammad Muhd Taib sebagai calon paling berpotensi untuk kembali memegang jawatan lamanya.

Kedua-dua akhbar itu menganggap Muhammad layak memegang semula jawatan berkenaan kerana memiliki rekod cemerlang ketika memimpin Selangor serta mempunyai hubungan baik dengan semua kaum.

Dalam berita luar negara pula, kedua-dua akhbar itu memberi liputan meluas mengenai kes penculikan bintang filem Karnataka, Rajkumar, yang diculik penjenayah paling dikehendaki di India, Veerappan Koose Muniswamy.

Nanban Sabtu lalu melaporkan bahawa bintang filem terkenal di Tamil Nadu, Rajinikanth, setuju menemui Veerappan bagi membincangkan pembebasan Rajkumar, yang diculik minggu lalu dengan tuntutan wang tebusan Rp50 juta (RM6 juta).

Veerappan, yang setakat ini sudah membunuh lebih 120 orang serta terbabit dalam penyeludupan kayu cendana dan gading gajah, juga sudah berjaya memaksa kerajaan India membebaskan 51 ahli kumpulannya yang dalam tahanan pihak berkuasa.

Selain tuntutan wang tebusan, Veerappan juga mahu diberi pengampunan penuh seperti mana yang diberi kepada ketua penyamun wanita terkemuka di India, Phoolan Devi, yang kini menjadi ahli Parlimen di India.

Dalam berita tempatan pula, kedua-dua akhbar terbabit memberi liputan luas mengenai cadangan Kementerian Pendidikan memperkenalkan Sekolah Wawasan, terutama mengenai kebimbangan pelbagai pihak terhadap status sekolah Tamil dan Cina sedia ada.

Akhbar Nesan menyiarkan saranan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu dan Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, supaya kementerian berkenaan memberi penjelasan lebih terperinci mengenai cadangan itu.

Nanban Isnin lalu pula menyiarkan pelawaan Presiden Parti Progresif Rakyat (PPP), Datuk M Kayveas, kepada Kongres India Muslim Malaysia (Kimma) dan Barisan Kemajuan India (IPF) supaya menyertai PPP.

Saranan itu dibuat berikutan tindakan Jawatankuasa Barisan Nasional (BN) menangguhkan keputusan kedua-dua parti terbabit untuk menjadi anggota komponen BN dalam mesyuaratnya baru-baru ini.

Akhbar yang sama pada hari Rabu melaporkan bahawa Presiden IPF, Datuk M G Pandithan, serta Presiden Kimma, Sikander Batcha, menolak pelawaan itu tetapi berikrar terus menyokong BN dengan harapan diterima menjadi ahli komponen di masa depan.

Nesan pula melaporkan kisah pemilik restoran di Taman Kota Mas, Johor Bahru mati diserang sakit jantung kerana terlalu takut akan ditahan dua lelaki menyamar sebagai pegawai Imigresen yang membuat pemeriksaan mengejut di kedainya.

Abdul Salam, 54, yang mempunyai beberapa pekerja warga India tanpa permit, termasuk isterinya, bekerja di restoran milik mendiang, dikatakan panik akan dikenakan tindakan undang-undang.

* DUA akhbar utama berbahasa Cina, Sin Chew Jit Poh dan Nan Yang Siang Pau, memilih Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, sebagai calon paling sesuai untuk menggantikan Datuk Seri Abu Hassan Omar yang meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar Selangor, semalam.

Menurut Sin Chew Jit Poh, Dr Shafie walaupun pengalaman Dr Shafie dalam arena politik tidak banyak, tetapi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad memandang tinggi prestasi kerjanya.

Nan Yang Siang Pau pula menyifatkan Dr Shafie mempunyai peluang cerah berikutan cara bekerjanya yang merendah diri, jujur dan adil, latar belakang yang bersih dan kemampuan serta pengetahuan beliau yang lebih tinggi berbanding calon lain.

Selain Dr Shafie, empat calon lain turut disebut akhbar itu, iaitu bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, Exco Kerajaan Selangor, Datuk Mokhtar Dahlan, Timbalan Menteri Besar Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad dan bekas Exco negeri, Datuk Aini Taib.

China Press pula menyenaraikan Mokhtar sebagai calon paling layak menduduki jawatan itu kerana beliau ialah ahli Exco dan calon pilihan bagi "kumpulan Muhammad Taib".

Ketiga-tiga akhbar itu turut memberi liputan meluas mengenai keputusan mahkamah menjatuhkan hukuman penjara sembilan tahun terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim dan hukuman penjara enam tahun empat sebatan terhadap adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja.

Selain itu, turut mendapat perhatian ketiga-tiga akhbar itu ialah kes menyamun kubur yang dipercayai berniat untuk mendapatkan nombor ekor di Bidor, Perak.

Dalam kejadian itu, kepala seorang perempuan yang mati kemalangan lima tahun lalu dipotong dan dibuang di semak berdekatan kubur mangsa.

Penyamun menggali lubang sedalam tiga kaki dan empat kaki panjang untuk mengeluarkan kepala mangsa dan meninggalkan mayat tanpa kepala dalam kubur itu.

Dipercayai, penyamun bercadang menggunakan kepala mangsa untuk mendapatkan nombor ekor, tetapi tidak berjaya selepas mendapati tengkoraknya sudah pecah.

Turut dijumpai di tempat kejadian ialah beberapa colok berhampiran yang dipercayai akan digunakan untuk upacara sembahyang.

Kes seorang pembuli jalan raya berusia 45 tahun di Pulau Pinang yang tampil dengan rasa kesal selepas mencedera mangsa, turut mendapat perhatian semua akhbar itu.

Menurut laporan ketiga-tiga akhbar itu pada Sabtu lalu, mangsa yang berusia 40 tahun memaafkan pembuli itu dan tidak akan mendakwa beliau selepas berkali-kali beliau menyatakan rasa kesal terhadap perbuatannya.

Kejadian yang berlaku pada 1 Julai lalu, menyebabkan mangsa terpaksa membelanjakan RM4,000 untuk mengubati tulang hidung yang retak dan harus menjalani pembedahan sekali lagi.

Pada Ahad lalu, Sin Chew Jit Poh mendedahkan kehidupan seorang wanita India berusia 30 tahun yang bermisai tidak berani bergaul dengan orang sejak 12 tahun lalu.

Dipercayai beliau mempunyai hormon lelaki yang terlalu tinggi menyebabkan beliau bermisai apabila mencapai umur akil baligh dan kini tidak boleh mengandung.

Wanita berasal dari Kuala Lumpur itu terpaksa melepaskan pelajarannya dalam bidang komputer kerana tidak tahan disindir oleh kawan selepas menamatkan pelajaran sekolah menengah.

Beliau yang fasih berbahasa Inggeris terpaksa bekerja sebagai pengawal tempat letak kereta sejak 12 tahun lalu dan setiap hari beliau pergi serta balik kerja dengan suaminya.

Sin Chew Jit Poh keluaran Isnin lalu pula melaporkan seorang lelaki disyaki menjual kad pengenalnya kepada pendatang asing dan membuat laporan kehilangan kad pengenalan sebanyak 28 kali untuk mendapatkan kad baru.

Perbuatan lelaki itu terdedah apabila polis mengesan pengubahsuaian pada kad pengenalan seorang warga India yang mati disebabkan penyakit di Kuala Lumpur.

Menurut teman serumah si mati, beliau membeli kad pengenalannya daripada seorang lelaki tempatan dengan harga RM300.
(END)